

1. Konsert itu memperlihatkan gandingan antara artis baharu tanah air dengan artis veteran dalam menyampaikan _____.

- ☐ A lagu-lagu hit
- ☐ B puisi-puisi klasik
- ☐ C cerita-cerita lama
- ☐ D drama-drama klasik

2. Kedengaran _____ suara orang bernyanyi ketika saya duduk di tepi pantai pada petang itu.

- ☐ A jauh-jauh
- ☐ B putus-putus
- ☐ C sayup-sayup
- ☐ D samar-samar

3. Para pekerja sedang memasang _____ utama untuk membentuk badan kenderaan tersebut.

- ☐ A alat-alat
- ☐ B bahan-bahan
- ☐ C perkakas-perkakas
- ☐ D komponen-komponen

4. Bola yang ditendang oleh pemain itu _____ memasuki gawang pihak lawan tetapi berjaya dihalang oleh penjaga gol mereka.

- ☐ A rapat-rapat
- ☐ B dekat-dekat
- ☐ C nyaris-nyaris
- ☐ D kadang-kadang

5. _____ yang diberikan oleh kedua-dua orang ibu bapanya itu ibarat mencurah air ke daun keladi.

- ☐ A Fatwa-fatwa
- ☐ B Petua-petua
- ☐ C Nasihat-nasihat
- ☐ D Amaran-amaran

6. Kerjasama orang ramai amat diperlukan untuk menangani kes penculikan _____.

- ☐ A anak-anak
- ☐ B siapa-siapa
- ☐ C orang-orang
- ☐ D kanak-kanak

7. Encik Mukmin menghabiskan _____ terakhirnya sebagai Tuan Pengetua di sekolah itu dengan melawat murid-muridnya dari kelas ke kelas.

- ☐ A hari-hari
- ☐ B orang-orang
- ☐ C benda-benda
- ☐ D tempat-tempat

8. _____ tegas boleh diambil terhadap ejen pembantu rumah yang mengupah pendatang asing.

- ☐ A Tuduhan-tuduhan
- ☐ B Tindakan-tindakan
- ☐ C Dakwaan-dakwaan
- ☐ D Peraturan-peraturan



9. Walaupun Fendi bertugas di luar negara, dia tetap mengambil tahu _____ yang berlaku di tanah airnya.

- ☐ A isu-isu semasa
- ☐ B tajuk-tajuk utama
- ☐ C topik-topik penting
- ☐ D perkara-perkara pokok

10. _____ yang terdapat pada bendera kebangsaan kita mewakili empat belas negeri di Malaysia.

- ☐ A Titik-titik
- ☐ B Jalur-jalur
- ☐ C Garis-garis
- ☐ D Belang-belang

11. Pekerja zoo itu membersihkan _____ haiwan di dalam kandang supaya kebersihan kandang sentiasa terjamin.

- ☐ A bulu-bulu
- ☐ B najis-najis
- ☐ C taring-taring
- ☐ D tanduk-tanduk

12. Tuk penghulu sentiasa menjaga _____ nya dengan baik supaya mereka rajin membantu penduduk kampung.

- ☐ A orang-orang baharu
- ☐ B hamba-hamba abdi
- ☐ C orang-orang gaji
- ☐ D anak-anak buah

13. Adik berasa sedih kerana _____ yang dibelinya di Sarawak sebagai cenderamata tertinggal di lapangan terbang.

- ☐ A jam-jam loceng
- ☐ B paku-paku tekan
- ☐ C rantai-rantai kunci
- ☐ D kotak-kotak mancis

14. Model telefon bimbit terbaharu keluaran beberapa buah syarikat telekomunikasi itu _____ belaka.

- ☐ A baik-baik
- ☐ B kuat-kuat
- ☐ C indah-indah
- ☐ D canggih-canggih

15. Encik Jumairi berasa gembira apabila isterinya sudah mula menunjukkan _____ mengandung.



- ☐ A ciri-ciri
- ☐ B sifat-sifat
- ☐ C tanda-tanda
- ☐ D simptom-simptom

16. Kerajaan menggesa rakyat supaya menghentikan _____ yang dapat membantutkan kemajuan negara.

- ☐ A pertikaian-pertikaian
- ☐ B perebutan-perebutan
- ☐ C pertarungan-pertarungan
- ☐ D pembalasan-pembalasan

17. Fauzana membaca _____ utama untuk menjadi penyampai berita di stesen televisyen yang terkenal itu.

- ☐ A ciri-ciri
- ☐ B polisi-polisi
- ☐ C syarat-syarat
- ☐ D undang-undang

18. "Kami tidak akan melupakan _____ yang telah diberikan oleh beliau untuk membina masjid ini," kata Iman Saad.

- ☐ A ganjaran-ganjaran
- ☐ B kebajikan-kebajikan
- ☐ C sumbangan-sumbangan
- ☐ D pendapatan-pendapatan

19. Semasa bertugas di London, Encik Fendi mencuri masa untuk membeli _____ untuk keluarganya di Malaysia.

- ☐ A kaki-kaki bangku
- ☐ B orang-orang putih
- ☐ C buah-buah tangan
- ☐ D mercu-mercu tanda

20. Sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya mematuhi _____ negara yang telah digubal oleh kerajaan.

- ☐ A janji-janji
- ☐ B kata-kata
- ☐ C undang-undang
- ☐ D sumpah-sumpah